**KETUA SETIAUSAHA**
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 12 BLOK D1, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8886 8076
Faks : 03-8889 1758
Web : www.moha.gov.my

Rujukan : KDN.400-10/17/2 JLD. 10 (23)

Tarikh : 23 Jun 2021

Seperti di **SENARAI EDARAN**

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGECUALIAN KHAS TARIKH AKHIR PENGHANTARAN TUNTUTAN PERJALANAN RASMI (TNT) DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 100(a) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan sedia maklum, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dengan pelaksanaan secara berfasa yang mana Fasa Pertama adalah untuk tempoh 14 hari mulai 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021. Dengan pelaksanaan perintah kawalan ini, semua sektor ekonomi dan sosial tidak dibenarkan beroperasi kecuali bagi Perkhidmatan Perlu (*Essential Service*) sahaja dan dalam konteks Kementerian Dalam Negeri (KDN), pengoperasian pejabat adalah ditetapkan pada kadar minimum.

3. Pada masa yang sama, saya ingin mengambil perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan mengenai Arahan Perbendaharaan [AP 100(a)] yang mana memperuntukkan semua tuntutan perjalanan selaras dengan Peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 10 hari bulan dalam bulan berikutnya. Sebarang permohonan yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan pengecualian Pegawai Pengawal mengikut penurunan atau perwakilan kuasa melalui surat edaran kementerian bil. KDN.400-9/1/1 JLD.9 (3) bertarikh 30 Mac 2021 seperti di **Lampiran A**.

4. Sehubungan itu, dengan mengambil kira pergerakan warga kerja di peringkat kementerian dan agensi di bawah KDN yang terhad sepanjang tempoh pelaksanaan PKP 3.0, saya selaku Pegawai Pengawal secara prinsipnya bersetuju untuk memberi pengecualian khas di bawah AP 100(a) mulai tuntutan perjalanan bagi bulan Mei 2021. Pengecualian khas di bawah AP100(a) juga adalah terpakai sekiranya PKP bagi membendung penularan pandemik Covid-19 dilaksanakan di masa akan datang baik di peringkat nasional mahupun berdasarkan lokaliti di peringkat negeri/daerah yang terbabit. Walaubagaimanapun, dalam memastikan tindakan susulan ke atas tuntutan bayaran dilaksanakan dengan berkesan, tarikh akhir penghantaran tuntutan perjalanan pada bulan-bulan terbabit adalah ditetapkan selewatnya 10 hari dari tarikh berakhirnya tempoh PKP yang dikuatkuasakan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan boleh berhubung terus dengan pegawai di Bahagian Kewangan (KW), KDN seperti berikut:

En. Muhammad Syukran bin Mat Rofa
Talian Terus : (03)88863067
E-mel : syukran@moha.gov.my

Pn. Komathi a/p Manian
Talian Terus : (03)88863038
E-mel : komathi@moha.gov.my

En. Syed Azrul Hadif bin Syed Ghazi
Talian Terus : (03)88863068
E-mel : azrulhadif@moha.gov.my

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

s.k.

TKSU (Pengurusan)

TKSU (Keselamatan)

TKSU (Dasar dan Kawalan)

SUB (KW)

## SENARAI EDARAN DALAMAN

SUB (PB)

SUB (K)

SUB (SM)

SUB (KP)

SUB (IT)

SUB (AK)

SUB (PL)

SUB (PDR)

SUB (PKK)

SUB (AB)

SUB (PP)

SUB (NSO MAPO)

SUB (PG)

SUB (PA)

SUB (IM)

SUB (PMO)

SUB (PUU)

SUB (AD)

SUB (SPP)

SUB (ULPJK)

SUB (PPF)

SUB (UI)

SUB (UKOM)

SUB (ULP)

## SENARAI EDARAN LUARAN

YBhg. Datuk Seri Acryl Sani bin Abdullah Sani
Ketua Polis Negara
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
**50560 W.P. Kuala Lumpur**

YBhg. Dato' Haji Nordin bin Haji Muhamad
Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia
Bukit Wira, Kajang
**43000 Selangor**

YBrs. Tuan Sutekno Ahmad Belon
Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia
Jalan Maktab Perguruan Islam
Kampung Sungai Merab, Kajang
**43000 Selangor**

YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimee bin Daud
Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia
No. 15, Aras 7 (Podium), Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62550 W.P. Putrajaya**

YBhg. Dato' Ruslin bin Jusoh
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Aras 10, Blok 2G5, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62551 W.P. Putrajaya**

YBhg. Dato' Mohd Zubil bin Md Som
Ketua Pengarah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Aras 4-11, One IOI Square
IOI Resort
**62502 W.P. Putrajaya**

YBrs. Dr. Jamaluddin bin Mohamad Ali
Ketua Pegawai Eksekutif
Eastern Sabah Security Command
Lot 1-4, Blok B, Kompleks Komersial
Bandar Harbour, Jalan Pantai
**91100 Lahad Datu Sabah**

YBrs. Tuan Haji Jasri bin Kasim
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Aras 8 & 9, Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62546 W.P. Putrajaya**

Ketua Pengarah
Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia
Aras 7, Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62546 W.P. Putrajaya**

YBrs. Tuan Yahya bin Sulaiman
Ketua Pengarah
Jabatan Sukarelawan Malaysia
Aras 9, Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62546 W.P. Putrajaya**

**JADUAL PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA - PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) BERKUAT KUASA 15 JULAI 2020**

| (1) BIL. | (2) AP | (3) TUGAS | | (4) BAHAGIAN/ NEGERI/ CAWANGAN/ PTJ | (5) PEGAWAI PERAKAUNAN | (6) HAD AMAUN (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Pegawai gred 22 dan ke atas | ≤ RM50,000.00 |
| 27. | 100(a) | **TUNTUTAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM** | | | | |
| | | Meluluskan tuntutan yang dikemukakan melebihi 10hb bulan berikutnya | | Ibu Pejabat KDN | TKSU (P)/ TKSU (K)/ TKSU (D&K)/ SUB (KW) | Tidak Berkenaan |
| | | | | Jabatan/ Agensi di bawah KDN | Ketua Polis Negara | Tidak Berkenaan |
| | | | | | Timbalan Ketua Polis Negara | |
| | | | | | Ketua Pengarah Jabatan | |
| | | | | | Timbalan Ketua Pengarah Jabatan | |
| | | | | | Pengarah Jabatan/ Negeri | |
| | | | | | Timbalan Pengarah Jabatan/ Negeri | |
| | | | | | Ketua Polis Negeri | |
| | | | | | Timbalan Ketua Polis Negeri | |
| | | | | | Ketua PTJ | Tidak Berkenaan |
| 28. | 55,59, 93(ii), 99(b), 102, 104, 322, 327 | **KELULUSAN PENDAHULUAN DIRI PEGAWAI AWAM/ PENDAHULUAN PELBAGAI** | | | | |
| | | 28.1 | Memproses Pendahuluan | Ibu Pejabat KDN dan Jabatan/ Agensi di bawah KDN | Pegawai gred 19 dan ke atas | RM99,999,999,999.99 |
| | | 28.2 | Melulus Pendahuluan | | Pegawai gred 41 dan ke atas | RM99,999,999,999.99 |
| 29. | 327 (b) | **PENDAHULUAN DIRI BAYARAN BALIK TERLEBIH EMOLUMEN** | | | | |
| | | 29.1 | Melulus Pendahuluan | Ibu Pejabat KDN | Pegawai gred 48 dan ke atas | RM99,999,999,999.99 |

**(DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**
**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**